

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS): Kajian Kes Zon Pesisir Pantai Semenanjung Malaysia
Source	http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day211.pdf
Author 1	Nanthakumar a/l Loganathan
Author 2	Mohd. Najit B. Sukemi
Author 3	Mohd. Nasir B. Nawawi et al
Publication/Conference	4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Edition	NA
Document Type	Article
CPI Primary Subject	Economics
CPI Secondary Subject	SME & SMI; ;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	This article elaborates the potential of SMI in the economy development of Eastcoast, Peninsula. Article written in Malay.

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Iniatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

**Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
Kajian Kes: Pesisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia¹**

**Nanthakumar a/l Loganathan
Mohd. Najit B. Sukemi
Mohd. Nasir B. Nawawi
Madzli B. Harun
Zuha Rosufila Bt. Abu Hasan**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
Mengabang Telipot, Terengganu
Email: kumar@kustem.edu.my
Tel: 09-6683426
Fax: 09-6693429**

Abstrak

Peranan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sering diperkatakan sebagai salah satu ejen pembangunan ekonomi negara. PKS mampu mempertingkatkan pengeluaran negara, mewujudkan peluang pekerjaan, integrasi antara firma, menjana eksport serta mampu membantu dalam proses pengeluaran beberapa industri berskel sederhana mahupun besar. Justeru, kertas kerja ini akan cuba mengupas kedudukan PKS di lokasi pesisiran pantai yang sememangnya mempunyai potensi besar untuk dikembangkan. Didapati kebanyakan PKS di zon pesisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah berkonsepkan industri primer yang berasaskan sumber tempatan sepenuhnya dan ia kerap disalurkan kepada industri-industri yang memerlukan hasil keluaran PKS untuk dikembangkan menjadi produk utama mereka. Fokus utama penghasilan kertas kerja ini adalah bagi melihat dengan lebih dekat kedudukan sebenar PKS di kawasan pesisiran pantai dan sejauhmana ia mampu membantu perkembangan industri-industri hiliran, khususnya industri pembuatan di zon pesisiran pantai berasaskan kemahiran masyarakat tempatan yang jarang diberi penekanan sebelum ini. Kaedah pengumpulan data secara soal selidik digunapakai secara menyeluruh bagi meninjau kedudukan PKS di beberapa lokasi terpilih sekitar negeri Terengganu dan Kelantan. Ini bertitik tolak dari dasar kerajaan kini yang menggalakan industri berasaskan bahan mentah serta pertanian yang mampu menghasilkan produk-produk yang berkonsepkan PKS diperingkat negeri. Secara keseluruhan kertas kerja ini mampu mengupas kedudukan sebenar PKS di kawasan pesisiran pantai yang sebenarnya mempunyai potensi tinggi membangunkan ekonomi negara secara keseluruhan.

Kata Kunci: Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Zon Pesisiran Pantai, Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Industri Hiliran, Industri Desa, SMIDEC

¹ Kertas kerja ini telah dibentangkan di 'The 4th International Malaysian Studies Conference' (MSC4), anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dari 3-5 Ogos 2004

1.0 Pengenalan

Sememangnya peranan industri mahupun Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS/PKS) memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi sesebuah negara. Dalam ertikata kata lain, ia berkeupayaan menyediakan peluang pekerjaan serta mampu mewujudkan persefahaman di antara firma, khususnya dalam proses menghasilkan pengeluaran berasaskan bahan keluaran tempatan. Dalam jangka panjang, secara tidak langsung PKS mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara hasil eksport barangan berasaskan PKS, sepertimana yang dilalui oleh negara Jepun, Thailand serta Korea Selatan.

Justeru, PKS di Malaysia berpotensi besar menjadi pemangkin utama pembangunan ekonomi negara berasaskan persamaan yang dimiliki dengan negara Jepun. Antara ciri-ciri tersebut ialah motivasi keusahawanan dan pengeluaran projek perkhidmatan yang berkualiti tinggi, pelan perkembangan perniagaan serta disokong kuat oleh institusi kewangan. Sehingga kini, sekurang-kurangnya 12 buah Kementerian dan 40 agensi kerajaan terlibat dalam pembangunan PKS (termasuk perusahaan mikro) tempatan.

PKS sektor pembuatan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Industri Sederhana dan Kecil (SMIDEC), manakala industri kotej, perusahaan mikro dan PKS setempat adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bagi meningkatkan sumbangan PKS sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi, pihak kerajaan telah memulakan banyak program komprehensif ke arah pemantapan PKS yang antaranya melibatkan program rangkaian industri, program global dan skim pengauditan kilang.

Skim bantuan kewangan untuk PKS pula adalah dalam bentuk geran serta pinjaman dengan penyediaan pelbagai dana yang melibatkan semua segmen dan penanaman sikap keusahawanan serta mendapat kerjasama dari negara luar seperti Jepun. Antara dana tersebut ialah Dana Pembangunan dan Pemulihan Usahawan, Projek Usahawan Bumiputera, ASEAN Japan Development Fund (AJDF), Skim Usahawan Kecil dan Skim Pembiayaan Francais. Bagi meningkatkan keupayaan teknologi PKS, Skim Geran Pembangunan yang meliputi tiga program kecil dalam produk, produktiviti dan teknologi maklumat dilaksanakan dengan sebanyak 676 permohonan bernilai RM28.4 juta telah diperuntukan pada tahun 2003.² Kerajaan juga telah melancarkan Dana Perolehan Teknologi (TAF) dan Dana Komersialisasi Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) untuk

² SMIDEC

melicinkan pelbagai aktiviti penyelidikan dan kaji selidik pasaran. Bagi menggalak serta meningkatkan kemahiran pekerja, PKS juga diberi peruntukan bagi membiayai kos latihan termasuk kepada orang asli dan pekerja mahir dengan kerjasama pihak SMIDEC.

Persoalan yang timbul di sini ialah, kedudukan industri serta perusahaan kecil serta sederhana di kawasan pesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu yang sememangnya terkenal dengan perusahaan makanan, perabot serta keluaran berasaskan logam. Justeru, kertas kerja ini akan menjadikan aspek ini sebagai fokus utama perbincangan. Sehubungan itu, skop perbincangan kertas kerja ini akan dibahagikan kepada 4 bahagian. Bahagian pertama mengetengahkan kedudukan perkembangan PKS di Malaysia dan bahagian kedua pula merangkumi sorotan beberapa kajian lepas berhubung kedudukan PKS dari dalam dan luar negara. Bahagian seterusnya melibatkan metodologi serta hasil kajian. Bahagian ke empat pula membincangkan beberapa strategi khusus bagi memantapkan PKS di pesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia.

2.0 Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

Rancangan Malaysia Ke-Tujuh (RMK-7) memberikan peranan penting terhadap PKS dalam menyokong usaha perindustrian negara melalui pewujudan rantaian dalam semua sektor pembuatan. Daripada anggaran 20,200 syarikat pembuatan yang beroperasi di Malaysia pada tahun 1996, lebih 90 peratus adalah syarikat bersaiz jecil dan sederhana. Tetapi, PKS hanya menyumbang sebanyak 27 peratus terhadap keluaran sektor pembuatan dan 26.2 peratus kepada jumlah nilai ditambah sektor tersebut.³ Bilangan pekerja dalam PKS adalah seramai 868,000 orang atau 38.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerja dalam sektor pembuatan. Kebanyakan syarikat PKS lebih tertumpu dalam sektor kecil makanan dan keluaran makanan, perabot dan kelengkapan, kimia dan keluaran kimia serta keluaran logam.⁴

Sehingga tahun 2003, dianggarkan terdapat lebih daripada 30,000 buah syarikat pembuatan yang beroperasi di Malaysia dan 90 peratus daripadanya adalah bersaiz kecil dan sederhana. Malah PKS juga menyumbang sebanyak 30 peratus terhadap keluaran sektor pembuatan dan sekitar 25 peratus terhadap nilai ditambah. Dalam pada itu, PKS juga menjadi penyumbang utama kadar penyertaan buruh negara, disebabkan penyediaan

³ SMIDEC mentafsirkan PKS sebagai sebuah syarikat dengan pusingan jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta atau mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang

⁴ Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8), hlm. 259

peluang pekerjaan kepada 900,000 orang pekerja atau kira-kira 40 peratus daripada keseluruhan pekerja dalam sektor pembuatan.

Pelbagai intepretasi diutarakan bagi mendefinisikan konsep PKS. Justeru dalam kajian ini, beberapa tanggapan berhubung PKS telah dikenalpasti bagi beberapa negara terpilih.

Jadual 1: Definisi PKS Di Negara-negara Terpilih Anggota APEC

Negara	Definisi PKS	Pengukuran
Indonesia	Kurang daripada 1000 pekerja	Bilangan pekerja
Jepun	Berdasarkan bilangan pekerja mengikut sektor	Bilangan pekerja dan amaun aset
Australia	Perusahaan kecil: <100 pekerja Perusahaan sederhana: 100-500 pekerja	Bilangan pekerja
Kanada	Berdasarkan bilangan pekerja mengikut industri terpilih dan hasil jualan	Bilangan pekerja dan hasil jualan
Malaysia	Sektor pembuatan: <150 pekerja sepenuh masa, pusingan jualan kurang dari RM25 juta	Bilangan pekerja, dana dan jualan
Thailand	Sektor pembuatan: <50 pekerja dan modal <20juta Bath	Bilangan pekerja, modal dan aset tetap
Amerika Syarikat	Sektor pembuatan: <500 pekerja Bukan sektor pembuatan: <US\$5 juta dari segi jualan	Bilangan pekerja dan jualan

Sumber: Laman Web APEC (<http://www.actetsme.org>)

Melalui Jadual 2 dan 3 dapat diperhatikan dengan jelas sumbangan PKS di beberapa negara anggota APEC dan OECD. Jelas terbukti di sini sumbangan PKS khususnya negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Jepun dan Korea Selatan dipengaruhi kuat oleh persekitaran pesisiran pantai yang didorong kuat oleh kedudukan pelabuhan serta permintaan pasaran rantau asia serta eropah.

Jadual 2: Pengaruh PKS Terhadap Pertumbuhab Ekonomi Negara Anggota APEC, 2000

APEC Countries	Average GDP Growth (%)	Export as % of GNP	Number of SMEs ('000)	SME's' as % of all Enterprises	Workforce Employed by SME's (%)	SME Sales in Total Sales Volume (%)	SME Exports in Total Exports (%)	% of GDP
USA	3.6	10.8	4311	96.0	69.0	50.0	33.3	50.0
Japan	1.0	10.4	6450	98.8	77.6	76.8	13.5	n.a
Canada	3.1	43.3	2200	98.0	66.0	n.a	n.a	n.a
Australia	4.2	18.7	530	97.0	46.0	n.a	50	n.a
South Korea	5.5	42.1	2400	99.0	69.0	50.0	43.0	50.0
Taiwan	6.1	42.1	155	97.8	78.4	32.1	56.0	n.a
Indonesia	3.8	35.0	105	97.0	42.0	n.a	10.6	n.a
Thailand	4.1	57.0	102	95.8	18.1	n.a	10.0	n.a
Malaysia	6.7	121.7	20	84.0	40.0	19.1	15.0	n.a
Singapore	7.5	135.0	69	91.5	51.8	34.7	16.0	34.7
Philippines	3.2	51.3	78	99.5	66.2	30.8	Na	32.2
New Zealand	3.1	30.7	n.a	98.9	52.9	35.0	23.0	n.a
Vietnam	7.5	40.1	14	83.0	85.0	65.0	20.0	65.0

Sumber: World Development Report 1999/2000


Jadual 3: Struktur Sumbangan PKS Terhadap Eksport Negara OECD-Asia

Negara	KNK (\$US)	Peratus Eksport Dari KNK	Sumbangan PKS Daripada Jumlah Eksport (%)
Negara-negara OECD			
Denmark	121 695	27	46*
Finland	121 982	19	23**
Perancis	1 167 749	18	26**
Greece	65 504	12	19
Itali	1 072 198	15	53
Jepun	3 337 191	12	13.5
Belanda	278 839	47	26
Sweden	280 000	25	30
Negara Asia			
Korea Selatan	285 000	21	40-60
Malaysia	60 000	72	15
Thailand	108 000	29	10
Singapura	46 000	138	16
Vietnam	14 000	7	20
Indonesia	128 000	23	10.6


* Anggaran

** Sektor pembuatan disalurkan terus bagi tujuan eksport


Sumber: Laman Web APEC (<http://www.actetsme.org>)



Rajah 2: Sumbangan PKS, Tahun 2003



Rajah 2: Taburan PKS Mengikut Industri , Tahun 2003



Sumber: Laman Web SMIDEC (<http://www.smidec.gov.my>)

Di Malaysia, pihak kerajaan memberi bantuan khusus bagi membantu para pengusaha PKS menembusi pasaran global. Terdapat 2 bentuk skim yang diperkenalkan, iaitu Skim Perancangan dan Pembangunan Perniagaan dan Skim Pembangunan Pasaran.⁵ Dalam pada itu, intensif eksport seperti Pembiayaan Semula Kredit Eksport, Potongan Dua Kali Untuk Penggalakan Eksport dan Insurans Kredit Eksport juga disalurkan kepada para pengusaha PKS tanpa mengira lokasi. Di samping itu, selaras dengan perkembangan ICT yang turut dikaitkan dengan konsep *'dunia tanpa sempadan'*, pihak kerajaan juga mengetengahkan konsep *"e-dagang"*, khususnya bagi meluaskan lagi produk berasaskan PKS.

⁵ Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8), hlm 261

3.0 Sorotan Kajian Lepas

Sebelum terhasilnya kertas kerja ini, beberapa kajian lepas dianalisis dan dikaji dengan mendalam bagi memperolehi hasil yang lebih mantap. Misalnya, hasil kajian Charles Harvie dan Boon Chye Lee (2002) mendapati bahawa PKS menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi di hampir kebanyakan negara anggota APEC dan OECD. Jika dihalusi, kebanyakan negara Asia Tenggara yang mengusahakan PKS lebih tertumpu terhadap pengeluaran bahan makanan, logam serta bahan kimia berasaskan sumber di kawasan persisiran pantai. Antara negara yang dimaksudkan di sini adalah Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Osman Rani Hassan (1992) dalam kajiannya membahagikan PKS di Semenanjung Malaysia kepada beberapa industri. Antaranya, industri makanan, industri berasaskan kayu, industri kejuruteraan ringan dan industri berasaskan getah. Dalam pada itu, kajian tersebut juga memaparkan kedudukan sebenar para pemilik syarikat PKS Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam membantu perkembangan ekonomi negara secara menyeluruh. Pelbagai intensif berhubung pemantapan PKS di Semenanjung Malaysia juga diketengahkan dengan menyeluruh bagi mengukuhkan kajian tersebut.

Kajian oleh Bank Negara Malaysia (2003), ke atas PKS yang telah beroperasi selama lebih 10 tahun telah mengenalpasti tujuh faktor utama kejayaan PKS. Antaranya adalah, kejayaan pengurusan yang sihat dan integriti, budaya perniagaan dan semangat keusahawanan yang teguh, pengurusan kewangan yang berhemah, produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, program pembangunan yang berkesan bagi sumber manusia, sokongan kuat daripada institusi kewangan (dalam bentuk pinjaman dan khidmat nasihat) dan strategi pemasaran yang tepat, termasuk rangkaian perniagaan yang baik dengan pembekal. Kajian tersebut yang berasaskan kepada prestasi kewangan dan rekod pencapaian, membuktikan PKS berkongsi ciri-ciri yang sama seperti bermula pada skala yang amat kecil, mengumpul modal tanpa pinjaman dan mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah, menumpu dan meningkatkan kecekapan teras serta membina rekod kecemerlangan, pelan perkembangan sederhana selaras dengan keupayaan yang ada dan strategi keseluruhan perniagaan; dan mewujudkan rangkaian yang baik sesama sendiri, bersama pembekal serta pelanggan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Bank Negara Malaysia, ciri-ciri yang dinyatakan seakan-akan serupa dengan PKS di negara Jepun yang mengambil masa 50 tahun untuk dibangunkan diperingkat global. Justeru, tidak hairan jika PKS di Malaysia juga dikatakan berpotensi tinggi sebagai faktor pemangkin utama pembangunan ekonomi negara.

Satu kajian yang dilakukan dibawah Pelan Pembangunan IKS (SMIDP) pada tahun 1999 berhubung halatuju IKS serta PKS di masa hadapan. Kajian ini memberi penumpuan khusus terhadap kekuatan serta kelemahan PKS dari aspek keupayaan, kemampuan daya saing bagi menyediakan sokongan yang diperlukan dalam menentukan hala tuju pembangunan perindustrian negara. Kajian tersebut banyak membantu para pengusaha PKS serta IKS bagi memantapkan lagi syarikat mereka berbanding keadaan sebelum kajian ini dijalankan, khususnya dari aspek bantuan yang disalurkan.

Fozian Ismail (2001) pula mengaitkan fenomena globalisasi sebagai satu aspek pengugat utama perkembangan PKS di Malaysia. Menurut beliau, fenomena ini secara tidak langsung mampu melemahkan semangat para pengusaha PKS tempatan dalam persaingan global, akibat keterbukaan ekonomi dipersada dunia yang turut sama membabitkan negara China sebagai anggota baru Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Hasil kajian membuktikan bahawa persaingan dipasaran global diibaratkan melalui keupayaan produk memenuhi pesanan dalam jangkamasa pendek pada harga yang rendah, tetapi tingkat kualiti yang terjamin.

PKS serta IKS sebagai antara penyumbang utama perkembangan ekonomi Malaysia telah dikaji secara mendalam oleh Ishak Shari dan Wook Endut (1989). Kajian ini meliputi sumbangan PKS dari aspek perkembangan ekonomi, penawaran tenaga kerja serta beberapa permasalahan yang timbul dalam memperluaskan PKS di Malaysia. Dalam pada itu, kajian ini juga memberi gambaran menyeluruh bentuk-bentuk skim bantuan secara langsung mahupun tidak langsung yang disalurkan oleh pihak kerajaan pada peringkat awal (1990-an) bagi menjayakan program-program PKS serta IKS di Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Melaka, Kedah dan Johor).

Jika dibandingkan Malaysia, negara jiran Thailand juga tidak ketinggalan dalam memperluaskan PKS dan tidak mengejutkan jika dikatakan hasil keluaran negara tersebut telah pun hamper menguasai pasaran ASEAN (Ismail Mohd Salleh, 1989). Antara perusahaan yang diceburi adalah sektor perindustrian ringan (jentera, mesin) hasil

kerjasama dengan Jepun dan Korea Selatan, industri makanan dan perabot berasaskan kayu-kayan dan rotan. Ditambah pula, hampir kebanyakan PKS negara ini berada di bahagian selatan negara tersebut dan memberi persaingan hebat terhadap industri tempatan, khususnya di pantai timur Semenanjung Malaysia. Keluaran PKS Thailand juga agak murah dan berkeupayaan menguasai pasaran negara anggota ASEAN dengan begitu mudah sekali.

Berbanding kajian-kajian dari dalam mahupun luar negara luar yang dikaji, kertas kerja ini mempunyai kekuatannya tersendiri. Ini di dorong oleh tema utama kertas kerja ini yang memberi tumpuan khusus terhadap PKS di pesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia, yang membabitkan negeri Terengganu dan Kelantan.

4.0 Kedudukan Perusahaan Kecil dan Sederhana Pesisiran Pantai Timur Malaysia

PKS dipesisiran pantai agak berbeza berbanding PKS di kawasan dikhaskan untuk PKS, sepertimana yang terdapat di pantai barat Semenanjung Malaysia. Kebanyakan PKS lebih cenderung kepada industri desa dan hiliran. Hampir keseluruhan PKS diusahakan oleh ahli keluarga serta penduduk setempat, malah setengah-tengah PKS diwarisi sejak turun-temurun.

Sebelum konsep PKS menular dikalangan masyarakat setempat, kebanyakan penduduk pesisiran pantai kerja secara bermusim. Semasa di luar musim, penduduk mempunyai masa lapang yang dimanfaatkan dengan kerja-kerja yang produktif serta menguntungkan. Lama-kelamaan, amalan ini mula mengorak menjadi satu bentuk kegiatan ekonomi bersifat PKS, hasil bantuan pihak kerajaan negeri dan beberapa badan berkanun.

Bahan-bahan mentah bagi PKS dipesisiran pantai diperolehi terus dari hasil laut dan pertanian serta dari hutan. Hasil perkembangan PKS, sumber asli tempatan dijadikan sebagai bahan mentah utama bagi menghasilkan barangan yang berguna. Ini secara langsung, menjimatkan kos pengeluaran. Penggunaan bahan mentah tempatan ini juga menjadi sumber pendapatan sampingan kepada penduduk tempatan sebelum diproses menjadi keluaran PKS.

PKS pesisiran pantai juga mengekalkan kemahiran dan seni pertukangan masyarakat tempatan. Kemahiran yang dimiliki, khususnya dalam pembuatan bot nelayan, keropok, perabot dan kraftangan menjadi aset terpenting perkembangan PKS pesisiran pantai. Kebanyakan PKS ini jarang sekali menggunakan teknologi terkini dalam penghasilan keluaran mereka, sebaliknya masih mengekalkan cara tradisioanl yang diwarisi secara turun-temurun

5.0 Metodologi dan Hasil Kajian

Bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan PKS dipesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia, satu soal selidik melibatkan seramai 150 responden sekitar pesisiran pantai negeri Terengganu dan Kelantan dijalankan secara rawak. Lokasi soal selidik ini dijalankan adalah sekitar Setiu, Jerteh, Kuala Besut di negeri Terengganu dan Bachok serta Pasir Puteh di negeri Kelantan. Lokasi kawasan tersebut dipilih atas dasar kedudukannya di persisiran pantai serta memiliki beberapa PKS yang berasaskan pengeluaran makanan dan tembaga serta perabot.

Soal selidik yang dijalankan bukan sahaja menekankan kedudukan PKS di lokasi kajian, sebaliknya beberapa persoalan berhubung kemahiran serta bantuan pihak kerajaan yang menjayakan PKS di pesisiran pantai juga diberi penumpuan khusus, agar dapat mengetahui dengan lebih dekat keadaan sebenar di pesisiran pantai. Hasil kajian mendapati kebanyakan “*industri desa*” merupakan PKS utama di pesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia. Industri desa merupakan perusahaan kecil yang ditempatkan di kampung-kampung dan diusahakan oleh penduduk kampung untuk mengeluarkan barang yang mudah dalam bentuk tradisional. Dalam pada itu, hasil kajian juga mendapati wujudnya 6 ciri dalam PKS berasaskan industri desa, iaitu:

- a) bertempat di kawasan luar bandar atau desa
- b) berskala kecil-kecilan
- c) menggunakan bahan mentah tempatan
- d) berasaskan teknologi tradisional
- e) bermodal kecil; dan
- f) berasaskan tenaga buruh mahir dan separa mahir, khususnya ahli keluarga sendiri.

PKS dilokasi boleh dibahagikan kepada 2 bentuk iaitu, industri berasaskan makanan dan industri kraftangan. Antara industri makananan yang dikenalpasti wujud dipesisiran pantai adalah perusahaan industri keropok, budu, ikan dan udang kering. Kebanyakan industri makanan tersebut berpusat di sekitar perkampungan nelayan yang memberi input bahan mentah secara langsung untuk diproses. Manakala industri kraftangan pula melibatkan industri batik, anyaman dan industri pertukangan kayu.

Kebanyakan penduduk yang terlibat secara langsung dengan PKS, khususnya membabitkan industri makanan dan kraftangan dipesisiran pantai memiliki kemahiran yang diwarisi dari pelbagai sudut yang berbeza, namun secara purata kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai pencapaian pendidikan yang tinggi. Jadual 4 dan 5 memaparkan dengan lebih dekat tingkat kemahiran serta pencapaian pendidikan para pekerja PKS dilokasi kajian.

Jadual 4: Tingkat Kemahiran Pekerja PKS Pesisiran Pantai

Kemahiran	Jenis Kemahiran					
	Bilangan Responden	Peratus	Di warisi / Keluarga		Latihan	
			Bilangan Responden	Peratus	Bilangan Responden	Peratus
Bertukang	15	10	10	66.7	5	33.3
Menganyam	15	10	14	93.3	1	6.7
Membuat Bot/Jala	33	22	32	96.7	1	3.3
Perusahaan Batik	17	11.3	34	100	0	0
Perusahaan keropok/Budu	40	26.7	35	87.5	5	12.5
Kraftangan	20	13.3	10	50	10	50
Lain-lain	10	6.7	7	70	3	30

Sumber: Soal selidik

Jadual 5: Tingkat Pencapaian Pendidikan Pekerja PKS Pesisiran Pantai

Pencapaian Pendidikan	Bilangan Responden	Peratus
Tidak Bersekolah	5	5
UPSR	15	15
SRP/PMR	5	5
SPM/HSC	30	30
STPM	15	15
Sijil/Diploma Institut Kemahiran/ Politeknik*	20	20
IPTA/IPTS	10	10
Jumlah	100	100

*Termasuk hasil bantuan kerajaan

Sumber: Soal selidik

Hampir keseluruhan PKS dipesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia diusahakan oleh kaum Bumiputera dan pelbagai bantuan berbentuk modal, strategi pemasaran, latihan serta tunjuk ajar diberikan oleh pihak SMIDEC, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Pelancongan Malaysia, kerajaan negeri dan badan-badan berkanun lain bagi meningkatkan prospek PKS pesisiran pantai, khususnya dalam industri berasaskan makanan dan kraftangan.

6.0 Strategi Pemantapan PKS Pesisiran Pantai

PKS dipesisiran pantai juga tidak terlepas dari pelbagai senior sepertimana yang dialami oleh PKS yang lain. Melalui hasil kajian ini, masalah utama yang dihadapi oleh para pengusaha PKS pesisiran pantai adalah persaingan dengan negara jiran, iaitu Thailand. Jika ditinjau dengan lebih mendalam, keadaan ini di dorong oleh kedudukan negeri Kelantan serta Terengganu yang agak hampir dengan negara Thailand yang sememangnya terkenal dengan barangan kraftangan serta tembaga. Ini ditambah pula harga jualan barangan Thailand juga agak murah berbanding hasil PKS tempatan. Tanpa disedari, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa produk negara Thailand telah mendominasi pasaran ASEAN selain dari negara China.

Disamping itu, kebanyakan pengusaha PKS pesisiran pantai juga menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja mahir, khususnya dalam sector pembuatan kapal dan bot, pertukangan kayu dan industri makanan (budu dan keropok). Ini disebabkan oleh penghijrahan keluar penduduk ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan. Akibatnya, industri tempatan tidak dapat berkembang dengan sempurna, jika ada sekalipun, produk

yang dihasilkan tidak memiliki kehalusan seni serta tidak berdaya saing dengan negara-negara jiran.

Selain itu, tingkat pencapaian pendidikan dan pengetahuan rendah para pengusaha PKS dipesisiran pantai juga secara tidak langsung memberi implikasi besar ke atas kelicinan perjalanan PKS. Sepertimana yang dipaparkan dalam Jadual 5, hampir kebanyakan pekerja di PKS berasaskan industri makanan dan kraftangan memiliki pencapaian pendidikan yang rendah dan ini menghadkan kemampuan mereka untuk membuat promosi jualan mahupun pengiklanan. Ini menyebabkan pasaran bagi barangan industri menjadi terhad dipasaran sekitar pantai timur Semenanjung Malaysia, iaitu di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang sahaja.

Dalam pada itu, kebanyakan pengusaha PKS dipesisiran pantai beranggapan kekurangan modal dan kesukaran mendapatkan pinjaman menjadi punca utama kegagalan PKS mereka berkembang. Antara punca yang dikenalpasti adalah ketiadaan cagaran untuk meminjam serta sistem pengurusan PKS sedia ada yang tidak teratur bagi meyakinkan pihak peminjam untuk menyalurkan bantuan. Sebaliknya, hasil tinjauan yang dilakukan di beberapa lokasi PKS dipesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia, mendapati wujudnya ketidakcekapan dari aspek pengurusan modal serta sumber.

Selain itu, kebanyakan PKS juga tidak mempunyai persefahaman dengan firma mahupun industri besar, sepertimana yang dipraktikan di Jepun, Korea Selatan dan kini negara Thailand dalam industri pembuatan ringan. Kebanyakan produk keluaran PKS pesisiran pantai disalurkan terus ke pasaran terbuka tanpa sebarang kawalan kualiti, sedangkan wujudnya persaingan hebat dari PKS dari dalam dan luar negara.

Sebagai jalan untuk mengatasi segala permasalahan PKS dipesisiran pantai, kertas kerja ini akan mengetengahkan beberapa pendekatan bagi memperbaiki keadaan tersebut.

Menyedari wujudnya persaingan hebat produk PKS negara jiran, pihak kerajaan bersama-sama kerajaan negeri seharusnya merangka satu strategi lebih komprehensif bagi membolehkan produk tempatan bersaing dengan produk asing. Misalnya, peranan badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat pemasaran sewajarnya mengambil inisiatif memperuaskan produk PKS pesisiran pantai yang mempunyai potensi besar dipersada dunia. Misalnya Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sendirian

Berhad harus diperluaskan ke pantai timur bagi membantu dalam proses pemasaran semua jenis hasil keluaran PKS, tidak semata-mata industri desa sahaja.

PKS juga harus mempelbagaikan keluaran dan tidak bergantung penuh terhadap keluaran makanan serta industri kraftangan sahaja. Para pengusaha PKS tempatan, seharusnya mengambil negara Thailand dan China sebagai model utama. Jika perubahan tidak dilakukan dari sekarang, nescaya PKS dipesisiran pantai akan terbantut diselubungi produk negara jiran.⁶

Para pengusaha PKS juga seharusnya mempraktikan konsep ‘e-dagang’ yang diperkenalkan oleh kerajaan, agar pemasaran produk keluaran mereka dapat berjalan lebih lancar serta berada dipasaran global. Pinjaman serta bantuan kewangan bagi menjayakan PKS juga tidak sewajarnya dibebankan kepada pihak kerajaan semata-mata, sebaliknya pengusaha PKS harus memastikan pengurusan PKS mereka berada dalam keadaan sempurna dan memiliki prestasi pengeluaran yang menyakinkan bagi mendapat pandangan positif pihak peminjam untuk membantu dari segi modal mahupun dari sudut latihan dan teknikal.

7.0 Kesimpulan

Memetik kenyataan RMK-8:

“.....pelaksanaan SMIDP memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dikalangan PKS sendiri manakala pihak kerajaan menyediakan persekitaran yang sesuai bagi membantu mereka. Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus menyediakan bantuan kewangan, kemudahan infrastruktur dan khidmat sokongan. Kerajaan akan mengkaji semula kemudahan ini bagi tujuan menyatu dan memperkemaskannya supaya dapat memudahkan lagi penyaluran bantuan kepada PKS.”

Kertas kerja ini telah mengupas kedudukan sebenar PKS dipesisiran pantai timur Semenanjung Malaysia, khususnya membabitkan 2 buah negeri, iaitu Kelantan Terengganu. Situasi sebenar PKS, permasalahan serta cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kertas kerja ini nampak agak mudah, tetapi agar sukar dilaksanakan dalam jangkamasa pendek. Namun, segala-galanya tidak mustahil jika ia dimulakan dari sekarang. Sehubungan dengan itu, diharap kertas kerja ini mampu membantu pihak-pihak

⁶ Batik Malaysia Berhad ditubuhkan untuk memasarkan dan memberi nasihat berkenaan hasil keluaran batik tempatan dan Perbadanan Kraftangan Malaysia (PKTM) pula berfungsi mengadakan promosi hasil kraftangan di seberang laut.

yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam mempertingkatkan imej PKS, khususnya dipesisiran pantai dan Malaysia amnya.

8.0 Rujukan

- Fozian Ismail. 2001. Peluang dan Cabaran Mada Depan Industri Pembuatan Dalam Era Globalisasi. Kertas Kerja yang dibentangkan di Konvensyen IKS: Persediaan Ke Arah Perdagangan Global Menjelang AFTA 2003, Kota Bahru, Kelantan, 25-26 Mei 2001.
- Harvie, C. and B.C Lee (eds). 2002. *Small and Medium Enterprises in East Asia*. Cheltenham, Edward Elgar (United Kingdom)
- Hall, C. 2000. *E-Commerce and SMEs in APEC: HRD Implications and the Role of Pacific Economics Cooperation Council Human Resource Development Task Force, Hua, Taiwa., October 21-22.(Paper presented to the 9th Annual Meeting of PECC, HRD)*
- Ismail Mohd. Salleh. 1989. Industri-industri Kecil. AMK Interaksi Sendirian Berhad.
- Malaysia. 2001. Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8). Kuala Lumpur, Pencetakan Nasional Berhad
- Malaysia. 2001. Taburan Penduduk Mengikut Kawasan Pihak Berkuasa Temapatan dan Mukim. Jabatan Perangkaan Malaysia
- Osman Rani Hassan. 1992. Masalah Perusahaan Bumiputera Dalam Sektor Industri Kecil. (Dalam Chamburi Siwar, Mohd. Yusof Kassim & Abdul Malik Ismail). Bangi: Penerbit UKM
- Viswanathan C. & Kumar S. 1999. Issues for Better Implementation of Cleaner Production in Asia Small and Medium Industries. *Journal of Cleaner Production* 7(1999) hlm. 127-134.
- <http://www.smidec.gov.my>
- <http://www.actetsme.org>